

Kalangan profesional anggotai, JI dikenal pasti

SM 14 JAN 2009

RANTAU PANJANG 13 Jan. — Kerajaan mengenal pasti anggota-anggota kumpulan Jemaah Islamiah (JI) yang sedang dipantau turut dianggotai oleh kalangan profesional.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung berkata, pihak berkuasa mempunyai maklumat kegiatan mereka dalam JI dan sentiasa memantau pergerakan mereka dalam kumpulan itu.

Katanya, buat masa ini pihak berkuasa tidak mahu terburu-buru mengambil tindakan sebab memerlukan

bukti yang mencukupi dan jelas tentang kegiatan golongan itu dalam kumpulan JI.

“Kita tidak mahu ambil tindakan yang sewenang-wenangnya. Ini bukan isu politik tetapi isu keselamatan,” katanya di Markas Taktikal Pasukan Gerakan Am (PGA) di Lubok Setol di sini.

Dalam lawatannya hari ini, beliau turut menaiki bot polis marin meninjau Sungai Golok dan pos-pos kawalan PGA sebelum ke markas PGA untuk taklimat mengenai operasi keselamatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam berkata, lebih ramai lagi anggota kumpulan JI akan ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dalam tempoh terdekat.

Perdana Menteri berkata, pihak berkuasa sudah mengenal pasti mereka yang terbabit dengan gerakan itu.

Baru-baru ini, dua lagi anggota kumpulan itu ditahan polis mengikut ISA di Sandakan, Sabah malah dua anggota JI yang bekerja sebagai guru agama ditahan di daerah sama Disember lalu.